

BENGKEL GURU JOHOR

Perpustakaan Tun Abdul Razak

11-15 MEI 2009

Sukacita dimaklumkan bahawa Perpustakaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan UiTM Johor, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah-sekolah Menengah Peringkat Negeri Johor yang berlangsung pada 11 hingga 14 Mei yang lalu bertempat di Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru.

Penganjuran Bengkel kali ke 11 ini telah berjaya menarik seramai 148 orang peserta yang terdiri daripada Guru Perpustakaan dan Media dari seluruh Daerah Negeri Johor. Bengkel yang telah disempurnakan perasmianya oleh Tuan Haji Haron ini juga telah menyaksikan sebanyak 7 kertas kerja telah berjaya dibentangkan oleh para penceramah jemputan yang terdiri daripada daripada penceramah dari Fakulti Pengurusan Maklumat Shah Alam dan Johor, penceramah dari Bahagian Teknologi Pendidikan Bukit Kiara dan Penceramah dari Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor.

Makluman dari Borang Maklumbalas yang diedarkan mendapati bahawa bengkel ini mendapat sambutan dan sokongan yang baik dari semua peserta yang terlibat. Semua perancangan dan aktiviti bengkel dapat dijalankan dengan baik dan kemuncak aktiviti perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor dan diakhiri dengan aktiviti memotong kek dan nyanyian lagu guru sempena sambutan Hari Guru yang diraikan pada 17 Mei 2009.

Sekalung tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatan Kuasa yang terlibat dan bertungkus-lumus dalam menjayakan Bengkel Guru pada kali ini dan jumpa di Bengkel seterusnya yang akan berlangsung di Melaka pada November ini.

